

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]**

TARIKH : 22.3.2016

SOALAN :

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adalah Kerajaan bercadang untuk menempatkan guru-guru di daerah mereka sendiri bagi mengelakkan pasangan duka lara dan berapa ramai lagi pasangan guru duka lara yang masih ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan penempatan dan pertukaran guru berdasarkan keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan. Walau bagaimanapun bagi mengatasi masalah pasangan guru yang terpaksa tinggal berasingan, KPM berusaha memberi ruang kepada guru-guru yang tinggal berasingan untuk tinggal bersama.

Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengurusan pertukaran guru, KPM telah membuat penambahbaikan pengoperasian khususnya berkaitan pasangan yang terpisah seperti yang sering diuar – uarkan ketika ini. Di mana, bermula Januari 2016, KPM melaksanakan operasi pertukaran guru sebanyak tiga kali

setahun. Operasi ini dilaksanakan pada bulan Januari untuk kelulusan pertukaran 1 Mac, April untuk kelulusan pertukaran 1 Jun dan September bagi kelulusan 1 Januari tahun berikutnya, secara dalam talian melalui Modul e-GTukar. Pemohon boleh memilih negeri – negeri yang mempunyai kekosongan jawatan dan keperluan opsyen.

RJM37

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]
TARIKH : 22 MAC 2016 [SELASA]
SOALAN : 12

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-

- (a) jumlah geran yang diperuntukkan dalam Teknofund sepanjang 2010 hingga 2015; dan
- (b) berapakah projek R&D dan inovasi yang dapat dibiayai dan berapa pula yang telah dikomersialkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

TechnoFund merupakan dana yang diperuntukkan untuk individu atau syarikat yang melaksanakan aktiviti inovasi di peringkat pra-pengkomersialan. Sejumlah RM308.3juta telah diluluskan untuk membiayai 170 projek di bawah *TechnoFund* bagi tempoh 2010 sehingga 2015.

Sehingga kini, terdapat 34 projek telah berjaya disempurnakan dan berpotensi untuk dikomersialkan. Berikut adalah dua contoh produk yang telah berjaya dikomersialkan:

(i) Penghasilan tulang sintetik oleh SIRIM Berhad

Tulang sintetik ini dihasilkan daripada campuran bahan kimia dan batu kapur tempatan menggunakan teknologi reaksi keadaan pepejal (*solid state reaction technology*). Ia digunakan dalam pelbagai prosedur pembedahan seperti ortopedik, trauma, ENT, pergigian, plastik dan maksilofasial. Sebelum ini, prosedur pembedahan menggunakan tulang pesakit sendiri untuk menggantikan tulang yang rosak atau menggunakan tulang sintetik yang diimport dari luar negara. Produk ini boleh diperolehi di hospital kerajaan sebagai alternatif kepada pesakit dengan kos lebih rendah berbanding prosedur yang menggunakan bahan import; dan

(ii) Pembenihan nanas menggunakan teknologi tisu kultur oleh Agrovery Sdn. Bhd.

Projek ini menghasilkan variasi buah nanas yang berkualiti tinggi dan tahan penyakit. Ia dilaksanakan di sekitar kawasan Kuala Rompin, Pahang. Projek ini telah memberi peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan dan berjaya meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Variasi buah nanas ini telah dijual di pasaran tempatan dengan menggunakan jenama "Rompine."

Sekian, terima kasih.